

Siri Ceramah

ARIF BUDIMAN



PROF DR MAHSUN
PROF DR ARNDT GRAF
DATUK AL AZHAR
PROF DR TATIANA DENISOVA

Cetakan September 2015

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-09-6461-0

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura

Kementerian Pendidikan Singapura



Dicetak oleh:

Oxford Graphic Printers Pte Ltd

Tel: 6748 3898

www.oxfordgraphic.com.sg

Catatan:

Pendapat dan pandangan yang terkandung dalam kumpulan kertas ceramah ini merupakan pendapat dan pandangan penceramah masing-masing dan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan penganjur.

KANDUNGAN

Sekapur sirih	
Encik Hawazi Daipi	04
Setiausaha Parlimen Kanan	
Kementerian Pendidikan dan Kementerian Tenaga Manusia	
Encik Mohamed Noh Daipi	06
Pengarah	
Pusat Bahasa Melayu Singapura	
Objektif Siri Ceramah Arif Budiman	08
Ceramah Arif Budiman 9	10
Profesor Dr Mahsun	
Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu:	
Perkembangan Hubungan dan Masa Depan	
Ceramah Arif Budiman 10	28
Profesor Dr Arndt Graf	
Takkan Melayu Hilang Di Dunia: Realiti dan Harapan	
Ceramah Arif Budiman 11	64
Datuk Al Azhar	
Nilai-Nilai Asas Jati Diri Melayu Sebagai Perekat	
Kehidupan Bermasyarakat Berbangsa dan Bernegara	
Ceramah Arif Budiman 12	126
Prof Dr Tatiana Denisova	
Orang Melayu dan Tamadun Melayu dalam Historiografi	
Melayu Islam (kurun ke-13 hingga ke-19)	
Penghargaan	183



HAWAZI DAIPI

Setiausaha Parlimen Kanan
Kementerian Pendidikan
dan Kementerian Tenaga
Manusia

**SEKAPUR
SIRIH**



Saya mengucapkan tahniah kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan, atas usaha berterusan menganjurkan Siri Ceramah Arif Budiman. Syabas atas penerbitan Siri Ceramah Arif Budiman Jilid 3. Penerbitan ini amat bermakna dalam memperkaya khazanah penerbitan dan pemikiran watan kita.

Sehingga kini, Siri Ceramah Arif Budiman telah melibatkan 12 pakar dalam bidang bahasa, adat, budaya dan sastera Melayu sebagai penceramah undangan. Sambutan para peserta pada setiap sesi ceramah juga amat menggalakkan. Secara purata, sekitar 150 peserta hadir pada setiap sesi, walaupun majlis ilmu ini dijalankan pada hari Sabtu. Hal ini menunjukkan iltizam para guru, pelajar dan penggiat bahasa Melayu mengikuti perkembangan bahasa Melayu terkini.

Pusat Bahasa Melayu Singapura telah mengambil langkah strategik dalam mengenal pasti para pensyarah yang diundang. Mereka datang dari pelbagai negara dan benua. Dari negara jiran kita seperti Malaysia, Brunei dan Indonesia dan seterusnya menjangkau ke negara China, Korea, Australia, Jerman dan Rusia. Natiujahnya, bahasa Melayu kini kian luas diajar dan dipelajari di universiti-universiti dan pusat pengajian antarabangsa. Hal ini menunjukkan bahasa Melayu seperti semasa zaman kegemilangan kesultanan Melayu boleh menjadi salah satu bahasa perhubungan serantau, khususnya ASEAN, dan antarabangsa.

Oleh itu, penting bagi masyarakat jati pengguna bahasa Melayu sama ada di Nusantara yang mempunyai seramai 350 juta penutur atau di Singapura dengan sekitar 400 ribu penutur untuk melestari kedudukan bahasa Melayu dan meluaskan penggunaannya dalam kalangan generasi muda kita. Bahasa Melayu adalah teras peradaban dan ciri jati diri masyarakat kita.

Marilah kita terus menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan citra watan kita serta menggunakannya dalam membina sahsiah bangsa kita. Bahasa Jiwa Bangsa!



**MOHAMED
NOH DAIPI**

Pengarah
Pusat Bahasa Melayu
Singapura

**SEKAPUR
SIRIH**



Pembelajaran Bahasa Ibunda memberikan anak didik kita keyakinan yang mendalam pada budaya kita, akar dan identiti bangsa kita dalam sebuah negara berbilang kaum, Singapura. Pembelajaran Bahasa Ibunda bukan sahaja memberi warga kita kelebihan dalam membina keupayaan dalam ekonomi global, tetapi juga membolehkan kita menerapkan nilai-nilai budaya yang kukuh dalam kalangan generasi muda untuk menghadapi cabaran dan ketidaktentuan dunia global.

Siri Ceramah Arif Budiman adalah satu inisiatif yang sangat bermakna yang memberi peluang kepada kita semua termasuk guru, pelajar, ibu bapa dan penggiat bahasa untuk menimba ilmu daripada pakar serantau dan antarabangsa mengenai perkembangan terbaru berkenaan bahasa, sastera, nilai, adat dan budaya Melayu. Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan beriltizam untuk terus menjadikan Siri Ceramah Arif Budiman sebagai platform untuk kita sama-sama meluaskan pengetahuan dan mendalami penghayatan kita terhadap nilai, adat dan budaya Melayu.

Siri ceramah ini telah melibatkan pensyarah tersohor dan penyertaan aktif para guru dan pelajar. Pusat Bahasa Melayu Singapura amat menghargai sokongan yang diberikan. Terima kasih daun keladi... Marilah kita sama-sama terus menjayakan Siri Ceramah Arif Budiman ini untuk meluaskan fikiran bagi memahami dan merungkai isu-isu berkaitan bahasa dan budaya kita pada masa lalu, masa kini dan masa depan. Akhirnya kitalah yang akan melakar dan menentukan hasrat dan aspirasi bersama untuk mengukuh jati diri dan budaya bangsa kita.

Kami bangga kerana sekali lagi dapat menerbitkan buku Siri Ceramah Arif Budiman. Semoga buku ini dapat memperkaya khazanah dalam bahasa tercinta kita. Semoga buku ini juga memenuhi cita rasa pembaca sebagai bahan rujukan yang baik dan mampu menyuntik wawasan Arif Budiman - orang yang berilmu yang menyumbang kepada masyarakat, dalam kalangan pembacanya.



Siri Ceramah

ARIF BUDIMAN

OBJEKTIF



- Meningkatkan pengetahuan masyarakat Melayu tentang Bahasa dan budaya Melayu;
- Memperkaya dan memperkasa masyarakat Melayu dalam menggunakan dan melestari Bahasa dan budaya Melayu; dan
- Menyediakan ruang dan peluang bagi masyarakat Melayu untuk mendapatkan pengetahuan daripada pakar tentang perkembangan Bahasa dan budaya Melayu.